Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang sesuai

beliau	saya	kami	kamu	dia
mereka	kita	patik	beta	kalian

1 " _____ perlu menyiapkan kerja sekolah sebelum keluar bermain, " kata Puan Lina kepada anaknya

2 " _____ hendaklah menyiapkan karangan ini sebelum waktu rehat," kata Cikgu Daril kepada murid-muridnya.

3 "Cikgu Azman mengingatkan _____ supaya bergotong-royong membersihkan kelas," kata Rania kepada rakan-rakannya.

4 "Tuanku, _____ sudah menyiapkan segala persiapan untuk ke Gunung Ledang esok, " kata Hang Jebat kepada Sultan Melaka.

5 " _____ amat kesal dengan kejadian amuk itu," titah Sultan Melaka dengan nada sedih.

6 Badrul dan Amin berjalan kaki ke sekolah. _____ hendak menjalani latihan bola baling.

7 "Adakah Zikri tinggal berdekatan dengan rumah kamu, Adam ? Mengapakah sudah dua hari _____ tidak datang ke sekolah ? tanya Cikgu Siti.

8 _____ berasa terharu atas kepercayaan penduduk di kawasan itu kerana memilihnya sebagai Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Pagoh Jaya.

9 "Ibu tidak membenarkan _____ menyertai perkhemahan itu," kata Shereen kepada Alia.

10 " _____ berjanji tidak akan bergaduh lagi," kata Syed dan Aidil kepada guru disiplin.

LIVEWORKSHEETS